


PENDIDIKAN SENI VISUAL**BAB 1
SENI BINA****PENGENALAN RINGKAS**

- Rumah Melayu Tradisi berakar umbi daripada masyarakat Melayu. Seni bina ini memainkan peranan yang penting dalam persejarahan bangsa Melayu. Reka bentuk, kebesaran dan kekayaan pemiliknya dilihat daripada rumah yang dibina. Seni bina rumah tradisional Melayu ini mempunyai ciri-ciri yang tertentu, iaitu bertiang, berpanggung dan bertangga. Bumbungnya curam dan tinggi serta mempunyai perabung yang panjang. Hujung bumbung ditutup dengan tebar layar. Reka bentuk seni bina ini menitikberatkan aspek pengudaraan, pencahayaan dan keselamatan. Selain itu, reka bentuknya kaya dengan nilai kerohanian, estetika dan etika seni bina. Penggunaan seni ukiran berfungsi sebagai ragam hias untuk menambahkan keunikan seni bina ini. Rumah tradisional ini mempunyai ciri-ciri asas, iaitu rumah ibu, loteng dan dapur. Perbezaan yang ketara terdapat pada bentuk bumbung, perabung dan jumlah tiang.

Sila labelkan nama bahagian Rumah Melayu Tradisional di bawah.



Namakan seni bina berikut berdasarkan maklumat yang diberi.

1. Binaan ini berbentuk oktagon dan mempunyai kubah berbentuk bawang. →

2. Binaan ini dijadikan sebagai muzium yang mempunyai reka bentuk yang melambangkan aspek kekeluargaan, pendidikan dan kesenian. →

3. Binaan ini mempunyai ciri unik pada bahagian tangga batunya yang berwarna-warni. →

4. Binaan ini menjadi tumpuan semasa perayaan Thaipusam. →

5. Binaan ini mempunyai kolam berkonsepkan Jepun dan arca-arca yang terletak di antara bongkah stalaktit dan stalagmit. →

6. Binaan ini mempunyai pemeleh di kedua-dua belah hujung bahagian atas tebar layarnya. →